

MINIT MESYUARAT AGONG ALEPS KE 19

- Tarikh : 12hb. Mei 2007 (Sabtu)
- Masa : 3.00 ptg ~ 6.00 ptg
- Tempat : Glenmarie Ball Room, Holiday Inn Glenmarie
Kuala Lumpur
- Kehadiran : 48 Orang

AGENDA

1.0 UCAPAN ALUAN PENGERUSI MAJLIS

- 1.1 Sdri. Mazlina Bibi selaku Pengerusi Majlis telah memulakan Majlis Mesyuarat Agung ke 19, mengucapkan ribuan terimakasih pada semua ahli yang telah sudi menghadiri mesyuarat agung pada hari ini.

2.0 BACAAN DOA SELAMAT

- 2.1 Bacaan Doa Selamat telah disempurnakan oleh Sdr. Mohd Izuddin Mahamad Nazir.

3.0 UCAPAN PENGERUSI TETAP

- 3.1 Sdr. Zainal Omar merangkap Pengerusi Tetap telah memulakan ucapan beliau dengan memperkenalkan diri serta latarbelakang beliau. Tuan Pengerusi Tetap meminta semua ahli yang hadir supaya memberikan kerjasama mereka kepada Barisan Exco yang ada supaya Exco dapat terus menjalankan tugas mereka untuk menjayakan pelbagai aktiviti ALEPS demi kebaikan ahli-ahli.

3.0 UCAPAN DASAR PRESIDEN

- 3.1 Tuan Presiden Zaba Youn telah mengucapkan ribuan terimakasih kepada semua ahli yang hadir, kerana kesanggupan mereka untuk meluangkan masa menghadiri Mesyuarat Agung ke 19 pada hari ini.
- 3.2 Sepanjang Penggal 2006/2007 lalu, persatuan telah banyak mengadakan pelbagai aktiviti yang melibatkan ahli-ahli serta pelbagai pihak lain.
- 3.3 ALEPS kini sedang berusaha untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam

Malaysia Japan International University of Technology (MJIUT) yang telah diilhamkan oleh Yang Berbahagia Tun Mahathir pada 2002 semasa lawatan lawatan Perdana Menteri Jepun Koizumi ke Malaysia.

- 3.4 Dalam lawatan kunjung hormat ke Pejabat Menteri Pengajian Tinggi, Dato` Mustafa Mohamad pada Mac lalu, Dato Menteri telah bersetuju untuk melibatkan ALEPS dalam penubuhan MJIUT, besar kemungkinan MJUIT akan beroperasi pada September 2008 nanti.
- 3.5 Tahun 2007 ini, kita bakal menyambut 25 Tahun Dasar Pandang ke Timur, ALEPS kini sibuk dengan pelbagai aktiviti yang berkaitan. Akhir bulan Jun nanti, satu simposium bertajuk `The Future of Look East Policy after 25 Years` bakal diadakan, turut melibatkan JPA, UM, UTM Kedutaan Jepun, persatuan bekas graduan Korea (AGIKO) serta agensi dan NGO lain.
- 3.6 Acara kemuncak sambutan 25 Tahun Dasar Pandang ke Timur adalah Grand Dinner, bakal diadakan pada akhir tahun nanti. Tetamu yang bakal dijemput merupakan wakil kerajaan yang mempunyai kaitan dengan Dasar Pandang ke Timur serta syarikat Jepun dan Korea.
- 3.7 Dalam dinner pada malam ini, kita akan melancarkan satu image website ALEPS, yang telah direka sendiri oleh warga ALEPS. Usaha membrandingkan ALEPS memerlukan kerjasama semua warga ALEPS, tanggungjawab ini tidak boleh dipikul kesemuanya oleh Barisan Exco yang ada.
- 3.8 Tuan Presiden Zaba Youn telah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Barisan Exco serta semua warga ALEPS yang telah memberikan kerjasama mereka dalam menjayakan aktiviti persatuan

4.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG KE 18

- 4.1 Sdr. Khairudin Tahir selaku Setiausaha Agung telah membentangkan Laporan Minit Mesyuarat Agung ke 18. Sdr. Hamizi Talib telah mencadangkan supaya minit mesyuarat ke 18 ini diterima. Cadangan ini telah disokong oleh Sdr. Zulkifli Ibrahim. Minit Mesyuarat Agung ke 18 ini telah diterima sebulat suara oleh semua ahli yang hadir.

5.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN LAPORAN KEWANGAN BERAKHIR 31hb. MAC 2007

- 5.1 Sdr. Khairudin Tahir mewakili Tuan Bendahari telah membentangkan Laporan Kewangan ALEPS yang berakhir 31hb. Mac 2007.
- 5.2 Sdr. Kamaruddin (Bain) telah mencadangkan supaya Laporan Kewangan ALEPS Tahun 2006 inin diterima. Cadangan beliau telah disokong oleh Sdr. Mohd Reza.

Pengerusi Sementara Sdr. Zainal Omar mengumumkan bahawa Laporan Kewangan 2006 ini telah diterima oleh semua ahli yang hadir.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN AKTIVITI BIRO SESI 2006 DAN 2007

6.1 Barisan Exco untuk Sesi 2006/2007 telah membentangkan laporan aktiviti biro mereka dengan menggunakan Power Point.

- A. Nor Hesham Mohamad - Biro Keusahawanan dan Pembangunan Dana
- B. Arba`ain Jaffar - Biro Hubungan Korporat
- C. Mohd Riza Mohmed Zuhri - Biro Sukan dan Kebudayaan
- D. Muhamad Syukri Ghazali - Biro Kebajikan dan Agama
- E. Mohd Izuddin Mahamad Nazir - Biro Latihan dan Pendidikan
- F. Amalia Mohd Hashim - Biro Penerbitan dan Editorial

7.0 PERBAHASAN USUL

7.1 Sdr. Khairudin Tahir selaku Setiausaha Agung mengumumkan tiada sebarang usul yang telah diterima dari ahli-ahli untuk dibahaskan dalam Mesyuarat Agung ke 19 ini.

8.0 PERBAHASAN CADANGAN

8.1 Tiada sebarang perbahasan cadangan diadakan sewaktu mesyuarat agung ini dijalankan.

9.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

9.1 Sdr. Syed Salleh Syed Mohd Yatim telah mengulas mengenai perjalanan mesyuarat agung pada hari ini, dimana tidak seperti lazimnya. Pembentangan Laporan Kewangan ALEPS telah dibentangkan oleh Setiausaha Agung, dimana perbahasan dan pembentangan minit mesyuarat agung dan laporan kewangan tidak dibahaskan sepertimana dalam AGM yang lalu., dimana menurut beliau merupakan satu masalah teknikal.

(Pengerusi Sementara Sdr. Zainal Omar memberikan penjelasan, tiada sebarang standard teknikal dalam pembentangan minit mesyuarat agung ataupun laporan kewangan. Melalui pengalaman beliau menghadiri pelbagai mesyuarat dalam NGO lain, pengendalian mesyuarat agung pada hari ini tidak menyalahi sebarang peraturan mesyuarat. Menurut beliau, dalam pembentangan mengenai laporan kewangan Jumlah Wang Masuk dan Wang Keluar hendaklah sama)

9.2 Sdr. Syed Salleh Syed Mohd Yatim memberikan komen mengenai Program Hubungan Antarabangsa antara ALEPS dan Fukiage, dimana sejak 3 tahun kebelakangan ini tiada rombongan ALEPS yang telah pergi melawat Fukiage. Pihak Fukiage amat mengalu-alukan akan kedatangan rombongan dari ALEPS, kerana Fukiage mempunyai sejumlah peruntukan dalam budget mereka untuk

program ini. Menurut beliau, sejak 2 tahun yang lepas, Fukiage telah memulangkan semula grant mereka kepada Kerajaan Jepun kerana tiada aktiviti yang telah dijalankan melibatkan Fukiage dan ALEPS.

(Tuan Presiden mengulas dimana masalah utama kenapa ALEPS tidak dapat menghantar peserta menyertai Fukiage Homestay kerana masalah kos yang tinggi dikenakan kepada setiap individu yang ingin menyertai Program Fukiage Homestay. ALEPS pernah beberapa kali menghantar peserta yang terdiri dari kalangan pelajar MRSK Kuala Klawang, kalangan professional dan sebagainya, mereka mampu untuk menyertai program ini. ALEPS sememangnya setiap tahun ingin menghantar peserta untuk menyertai program homestay ini).

- 9.3 Sdr. Syed Salleh Syed Mohd Yatim membangkitkan isu mengenai kurangnya penglibatan ahli didalam pelbagai aktiviti ALEPS, kini purata Cuma 1% sahaja ahli yang menyertai sebarang aktiviti persatuan. Beliau berharap angka ini dapat dipertingkatkan kepada 5%.

(Pengerusi Sementara turut merasakan kurangnya penglibatan ahli dalam pelbagai aktiviti persatuan, sikap ini timbul dari attitude orang Melayu sendiri. Beliau mencadangkan supaya setiap orang agli membawa 10 orang ahli yang dalam untuk menjayakan pelbagai aktiviti ALEPS. Tuan Presiden mengulas, ramai diantara ahli sendiri yang mengajukan pertanyaan seperti apakah faedah atau pulangan yang bakal mereka perolehi dari ALEPS. ALEPS selalu menghantar maklumat terkini melalui kaedah seperti e-mail, sms, telefon dan sebagainya untuk menghebahkan maklumat kepada ahli-ahli. ALEPS kini berusaha untuk menyiapkan meibo untuk 1500 orang, namun demikian cuma 669 nama sahaja yang telah lengkap).

- 9.4 Sdr. Zulfikar Zainuddin mengucapkan tahniah kepada Tuan Presiden serta Barisan Exco yang terlibat dalam menjalankan pelbagai aktiviti persatuan sepanjang sesi lalu. Beliau melahirkan rasa kesal kepada laporan aktiviti biro yang tidak memuaskan hati, meminta supaya satu standard yang bersesuaian digunakan dalam semua bentuk laporan aktiviti biro.
- (Tuan Presiden mengulas, laporan biro ada terdapat didalam Laporan Minit Mesyuarat AGM lalu, beliau berpendapat kelemahan yang sedikit dalam laporan biro ini boleh diatasi dengan segera)*

- 9.5 Sdr. Zulfiqar Zainuddin turut membangkitkan isu penglibatan ahli-ahli dalam persatuan, dimana penglibatan ahli dalam aktiviti bergantung kepada minat serta kecenderongan mereka. Kuantiti ahli yang terlibat dalam setiap aktiviti tidak wajar dijadikan sebagai kayu ukur kejayaan aktiviti tersebut. Beliau menyeru pada Exco supaya mempertingkat usaha untuk menarik lebih ramai ahli menyertai aktiviti persatuan serta meletakkan sasaran jumlah penyertaan ahli yang dikehendaki dalam setiap aktiviti.

(Tuan Presiden menjelaskan, ALEPS telah menjalankan pelbagai aktiviti setelah mendapat feedback dari ahli yang berminat seperti Futsal Tournament. Beliau turut meminta pada ahli supaya membantu persatuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah kepada ahli-ahli, mereka juga boleh memasukan

aktiviti yang bakal dijalankan kedalam Jadual Aktiviti Tahunan ALEPS. Dinner pada malam ini bakal merupakan satu platform untuk dijadikan sebuah pertemuan / gathering dikalangan ahli berbincang mengenai aktiviti persatuan. Sdr Syed Putera mengingatkan pada mereka yang hadir mengenai kesukaran persatuan untuk menarik perhatian 3600 orang ahli untuk melibatkan diri mereka dalam pelbagai aktiviti persatuan kerana mereka mempunyai minat serta kepentingan yang berbeza).

- 9.6 Sdr. Hamizi Talib telah memberikan pandangannya mengenai peranan yang mampu dijalankan oleh persatuan dalam usaha untuk re-branding atau mempromosikan ALEPS. Beliau memberikan contoh bagaimana ALEPS dapat menggunakan platform yang ada membantu melobi demi memastikan anak-anak ahli yang berjaya dalam UPSR dapat melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah berasrama penuh. Menurut beliau, platform yang sama boleh digunakan untuk membantu anak-anak ahli melanjutkan pelajaran mereka ke universiti tempatan atau luar negara.
(Tuan presiden menjelaskan, ALEPS sebagai sebuah alumni mungkin tidak mampu dalam usaha melobi atau membantu pelajar memasuki sekolah berasrama penuh kerana ianya bukan bidang kuasa ALEPS. Menurut beliau, ALEPS kini adalah AJK pemilihan untuk memilih bakal-bakal pelajar ke universiti Jepun dibawah Biasiswa Mumbusho).
- 9.7 Sdr. Kamaruddin Najri meminta supaya program re-branding ALEPS dijuruskan bukan sahaja kepada orang awam tetapi juga melibatkan ahl-ahli. Promosi re-branding dapat dilakukan menerusi komunikasi iaitu memberikan penghargaan menerusi website ALEPS. Promosi re-branding dapat dijalankan juga menerusi aktiviti sukan seperti bolasepak iaitu nama ALEPS dapat dipapar-kan pada baju sukan yang mereka pakai.
(Tuan Presiden menjelaskan, program penghargaan pada ahli pernah diadakan, melalui kerjasama mereka yang terlibat. Ruangan untuk Majlis Perkhawinan, bayi baru dan sebagainya. Tuan Presiden turut meminta mana-mana ahli yang hadir yang ingin volunteer untuk menjadi Exco ALEPS kerana dua Exco yang ada bakal meletakkan jawatan mereka iaitu Sdr. Mohd Izuddin dan Sdri. Amalia.
- 9.8 Sdr. Shamsairi mencadangkan supaya pihak persatuan dapat mempelbagaikan aktiviti mengikut peringkat umur. Adakan satu majlis untuk meraikan kejayaan anak-anak ahli dalam peperiksaan dalam majlis istimewa seperti dinner dan sebagainya.
(Tuan Presiden menjelaskan, cadangan untuk mengadakan Tabung untuk anak-anak ahli pernah diutarakan oleh Exco beberapa tahun yang lalu, malangnya tidak dapat bergerak kerana tiada fund).
- 9.9 Sdr. Zul Himli Zulkifli memberikan pandangan, dimana beliau ingin menjadi ahli aktif ALEPS, malangnya tiada rakan satu batch (Batch 17) menjadi ahli yang aktif. Beliau mencadangkan supaya aktiviti ALEPS dipertingkatkan untuk menggalakkan komunikasi diantara pelajar-pelajar dengan ALEPS disamping meng-

adakan lebih banyak ceramah motivasi untuk pelajar tahun 1 & 2 RPKJ serta seminar kerjaya untuk menambah minat pelajar kepada ALEPS.

(Tuan Presiden menjelaskan, ALEPS merangka pelbagai program motivasi untuk pelajar Tahun 1 & 2 RPKJ yang diadakan setiap tahun sejak tahun 1990an lagi. Tambah beliau, dalam Homepage ALEPS terdapat website yang link diantara ALEPS dengan Kelab UMNO Jepun (K U J), tetapi K U J tidak memberikan respond mereka kepada ALEPS. Menghurai mengenai keahlian ALEPS, pelajar yang telah tamat pengajian / baru balik perlu menghadiri Program Kangeikai. Dalam Program Kangeikai terdapat penerangan mengenai perbezaan diantara dunia pelajar dan pekerjaan. Dalam Program Kangeikai ini, beberapa speaker undangan dijemput untuk memberikan ceramah mereka mengenai peluang kerjaya).

- 9.10 Sdr. Supardi Bai telah mengucapkan ribuan terimakasih kepada ALEPS kerana telah memilih beliau sebagai salah seorang wakil ALEPS untuk Program Reunion 2007. Beliau akan berusaha untuk lebih aktif dalam pelbagai aktiviti anjuran ALEPS, beliau mencadangkan supaya diadakan ALEPS Family Day untuk mengeratkan hubungan sesama ahli.

(Tuan Presiden menjelaskan, ALEPS pernah beberapa kali mengadakan Program Family Day sebelum ini, tetapi cuma Exco sahaja yang hadir).

- 9.11 Sdr. Kamaruddin Najri bertanya sejak bila ALEPS menggunakan Akaun Simpanan Tetap Maybank.

(Tuan Presiden menjelaskan, ALEPS telah menyimpan dalam Akaun Simpanan Tetap Maybank sejak Ogos 2006. Penyata lengkap bakal diterima pada Ogos 2007 nanti, Penyata Kewangan Akaun Simpanan Tetap cuma akan dimasukkan kedalam Lapuran Kewangan Tahun 2008.

- 9.12 Sdr. Mohd Rafee Mohd Jee menerangkan pengalaman beliau melawat ke sebuah madrasah yang terletak di Negri Sembilan. Terdapat seramai kira-kira 100 pelajar, kelengkapan tempat tinggal dan belajar adalah daif (lebih daif dari rumah kongsi). Beliau bertanya mengenai peranan ALEPS sebagai sebuah NGO dalam membantu madrasah ini.

(Tuan Bendahari menjelaskan bahawa Tuan Presiden perlu berbincang dengan Sdr. Mohd Rafee mengenai peranan ALEPS untuk membantu madrasah ini. Tuan Presiden menjelaskan, telah ada cadangan dikalangan Exco kira-kira 2 ~ 3 tahun lalu untuk membantu rumah anak yatim dan seumpamanya, tetapi tempat yang dilawati tidak memerlukan bantuan dari ALEPS).

- 9.13 Sdr. Shamsairi Mohd Ibrahim meminta supaya satu cadangan dibuat bagaimana usaha untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan boleh dijalankan. Beliau bersedia untuk membantu dan mencadangkan supaya satu lawatan diadakan untuk melawat ke madrasah yang tersebut.

- 9.14 Sdr. Kamaruddin Najri mencadangkan ALEPS menggunakan perkhimatan Celcom

atau Maxis untuk meyalurkan derma melalui SMS.

(Tuan Presiden menjelaskan, pihak Exco pernah mencadangkan supaya menggunakan kaedah SMS untuk menyalurkan derma kepada mereka yang memerlukan. Kos penggunaan system ini amat tinggi, cadangan ini tidak dapat dilaksanakan).

- 9.15 Sdr. Azri Rusli menggemuakan cadangan beliau supaya setiap orang ahli ALEPS membawa sekurang-kurang 5 orang ahli untuk menyertai sebarang aktiviti persatuan.

10.0 UCAPAN PENASIHAT ALEPS

- 10.1 Yang Berbahagia Dato Kaswuri Keman mengucapkan terimakasih pada semua Exco serta ahli yang hadir dalam mesyuarat agung ini. Beliau mengucapkan tahniah kepada Tuan Presiden serta Exco kerana dapat mengadakan AGM ke 19 ini, ALEPS merupakan satu-satunya alumni tajaan kerajaan yang berjaya mengadakan AGM setiap tahun. Beliau berbangga dengan penyertaan aktif ahli dalam AGM ini, banyak idea yang telah dikemukakan. Beliau meminta Exco supaya sentiasa bersabar dan bersedia menerima idea yang telah diutarakan oleh ahli dalam AGM ini, cuba menjalankan aktiviti berdasarkan kepada idea tersebut mengikut kemampuan ALEPS.

- 10.2 Beliau turut menekan mengenai peranan penting `networking` dalam persatuan serta aktiviti harian setiap individu. Beliau gembira Exco cukup bersemangat, sabar serta bertanggungjawab dalam menjalankan pelbagai aktiviti persatuan. Beliau sentiasa berdoa supaya ALEPS terus berjaya dan mampu menjalankan banyak aktiviti demi kebaikan ahli. Beliau seterusnya memberikan endorsement kepada ALEPS serta Exco yang ada dalam menjalankan tugas mereka demi kebaikan ALEPS serta ahli.

11.0 UCAPAN PENANGGUHAN PRESIDEN

- 11.1 Tuan Presiden mengucapkan terimakasih pada semua ahli yang hadir, berharap melalui idea yang telah diutarakan oleh ahli dalam AGM ini dapat dilaksanakan demi kepentingan ALEPS dan ahli untuk masa hadapan.
- 11.2 Beliau seterusnya mempelawa semua ahli yang hadir dalam AGM ini supaya dapat menghadirkan diri mereka dalam Dinner ALEPS yang akan diadakan pada sebelah malam.

12.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

- 12.1 Mesyuarat Agung ke 18 yang telah diadakan pada 12hb. Mei 2007 telah ditamatkan pada 6.00 petang, akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Disediakan Oleh;

.....
KHAIRUDIN MOHD TAHIR
(Setiausaha Agung)

Disahkan Oleh;

.....
ZA`BA YOUN
(Presiden)